

25 DEC 2000

RUMAH TERBUKA HARI RAYA DR MAHATHIR DI PUTRAJAYA

KUALA LUMPUR, 25 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan majlis rumah terbuka sempena Aidilfitri di kediaman rasminya di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya pada hari raya pertama.

Menurut kenyataan pejabat Perdana Menteri, waktu rumah terbuka itu ialah dari 9.30 pagi hingga 1 tengah hari dan 3 petang hingga 6 petang.

Orang ramai dinasihatkan mematuhi segala arahan lalulintas bagi mengelakkan kesesakan di sekitar Putrajaya serta membuat persediaan sekiranya hujan.

Sempena cuti perayaan Hari Krismas dan Aidilfitri, Kompleks Seri Perdana akan ditutup kepada lawatan orang awam mulai Sabtu ini hingga 1 Jan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula akan mengadakan rumah terbuka di Serambi Merdeka, Aras 4, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini pada Hari Raya pertama dari 2.30 petang hingga 5 petang.

Pada Hari Raya kedua pula, beliau akan mengadakan Rumah Terbuka di kawasan kediaman beliau dan Pusat Khidmat Parlimen Kepala Batas dari 10 pagi hingga 4 petang.

-- BERNAMA

AR ES RON